

18 OCT 2003

FELCRA-KILANG

FELCRA DALAM PROSES BINA KILANG PENAPIS MINYAK SAWIT DI DUBAI

KOTA BAHARU, 18 Okt (Bernama) -- Felcra Berhad, sedang dalam proses untuk membina kilang penapis minyak sawit di Dubai sebagai langkah memperluaskan kegiatan perniagaannya di luar negara.

Pengerusi Felcra Berhad, Datuk Hamzah Zainuddin berkata Felcra telah mengadakan berbincangan dengan syarikat berkaitan di Dubai bagi membolehkan pembinaan kilang itu yang merupakan yang pertama dimiliki Felcra di luar negara.

"Perbincangan telah kita mulakan lebih tiga bulan lalu dan InsyaAllah awal tahun depan kita boleh teruskan dengan apa yang dipersetujui itu (iaitu) kita eksport minyak sawit mentah dan proses minyak itu di sana (Dubai)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga dan Perjumpaan Warga Felcra Berhad Negeri Kelantan di sini, hari ini.

Hamzah menganggarkan pembinaan kilang itu membabitkan kos sebanyak RM100 juta.

Katanya pada mulanya Felcra telah mendapat kelulusan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membina kilang berkenaan di Oman bagaimanapun apabila kajian mendalam dibuat mendapati Dubai lebih strategik dari segi logistik berbanding Oman.

"Apabila kajian mendalam dibuat kita merasakan adalah lebih baik ditumpukan di Dubai kerana di situlah hub untuk kita eskport semula (produk) ke negara-negara berdekatan," katanya.

Katanya negara-negara di rantau teluk bukan sahaja mahukan Malaysia terus mengeksport minyak sawit mentah tetapi menjalin kerjasama bagi mewujudkan kilang penapis minyak sawit di negara mereka.

"(Bina kilang) bukan sahaja di negara-negara teluk tetapi kalau boleh di Pakistan dan India," katanya.

Beliau berkata langkah itu akan membuka ruang kepada Felcra untuk mewujudkan industri hiliran berkaitan di mana produknya boleh dipasarkan di rantau tersebut.

Katanya Felcra tidak mempunyai kilang penapis di Malaysia dan tidak akan membinanya di sini kerana telah terdapat terlalu banyak kilang penapis termasuk yang dimiliki syarikat swasta.

"Semua minyak yang kita keluarkan dijual secara mentah dalam negara dan yang kita eksport peratusannya agak minimum. Kalau kita nak jual minyak bertapis kita kena guna kilang penapis orang lain dan kena bayar kos yang tinggi," katanya.

Ditanya bila Felcra akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Hamzah berkata: "Kalau Felcra berjaya disenaraikan di BSKL, itu adalah kehendak kerajaan, Felcra satu syarikat yang dimiliki kerajaan mungkin ada strategi kerajaan bagaimana cara untuk Felcra boleh disenaraikan di BSKL".

Mengenai pemberian dividen kepada kira-kira 85,000 pesertanya di seluruh negara tahun ini, beliau berkata ia akan lebih tinggi berbanding tahun lepas bagaimanapun nilai sebenar akan diumumkan kemudian.

Katanya pada tahun lepas Felcra mengeluarkan dividen sebanyak RM200 juta.

Semasa ditanya usaha-usaha yang diambil Felcra bagi memenuhi permintaan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya Felcra mencari punca baru bagi pendapatan sampingan peserta dan penduduk luar

bandar, beliau berkata pihaknya akan mencari lokasi strategik di seluruh negara untuk dibuka beberapa industri kecil dan sederhana.

"Kita bukan hanya tanam padi tetapi juga mahu ada produk-produk yang dihasilkan melalui beras. Bagi kawasan yang mempunyai buah-buahan, kita boleh buka kilang memproses buah-buahan untuk dieksport," katanya.

Beliau berkata telah sampai masanya bagi Felcra mencari sumber baru untuk menambah pendapatan peserta yang selama ini bergantung kepada hasil padi, getah dan sawit.

Beliau berkata Felcra kini menceburi sektor ternakan ikan dan udang harimau dengan memiliki kolam di Johor, Pulau Pinang dan Sabah.

-- BERNAMA

BD NHD